

03 AUG 1998

DR MAHATHIR TERIMA ANUGERAH DJIBOUTI (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dikurniakan anugerah "Commandeur de la Grande Etoile", anugerah Djibouti kedua paling tinggi, yang hanya diberikan kepada ketua-ketua kerajaan.

Dr Mahathir menerima anugerah itu ketika beliau mengunjungi Presiden Djibouti Hassan Gouled Aptidon, yang berada di sini untuk lawatan negara selama sembilan hari.

Aptidon, yang tiba semalam, diberikan sambutan rasmi di Dataran Parlimen pagi ini.

Beliau akan mengetuai delegasi Djibouti ke rundingan dua hala dengan Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri lewat hari ini.

Presiden itu akan menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, disusuli dengan jamuan negara di Istana Negara malam ini.

Tuanku Ja'afar akan dikurniakan anugerah "Grand Dignataire de la Grande Etoile", anugerah tertinggi negara itu pada jamuan tersebut.

-- BERNAMA

ARA AKD